



Working Paper No. 8, August 2006

**PENGALAMAN PEKERJA DESA DI KILANG MODEN DI
TENGAH-TENGAH PERKAMPUNGAN
NELAYAN MELAYU SARAWAK**

Awang Mashabi Awang Mohamad

Working Paper Series

**Faculty
of
Social Sciences**

Pengalaman Pekerja Desa di Kilang Moden di Tengah-tengah Perkampungan Nelayan Melayu Sarawak¹

Awang Mashabi Awang Mohamad

**Fakulti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Pengenalan

Kampung Muara Tebas terletak di Kuala Sungai Sarawak yang terkenal itu. Menurut Penghulu Mohamad Pani B. Bujang kampung tersebut dahulunya dikenali sebagai Kampung Kuala Tebas disebabkan kedudukan geografinya yang terletak di Kuala Sungai Sarawak. Peneroka awal kampung ini dikenali sebagai Haji Rahim, namun nama Kuala Tebas telah bertukar kepada Muara Tebas sejajar dengan perkembangan zaman dan bahasa. Penempatan awal bermula diseberang kuala sungai sekarang tetapi mungkin disebabkan tanah yang tidak sesuai untuk mendirikan penempatan maka penduduk kampung tersebut telah berpindah ke seberang; Kampung Muara Tebas yang telah wujud kini dan mendirikan penempatan kekal sehinggalah ke hari ini.

Pemilihan Kampung Muara Tebas

Kampung Muara Tebas, Kuching telah dipilih kerana kampung tersebut merupakan salah sebuah dari 16 buah kampung Melayu yang signifikan kepada penyelidikan yang memfokuskan kepada Masyarakat Melayu Pesisir Sarawak Barat. Bahagian Sarawak Barat-daya dihuni oleh sejumlah besar orang Melayu Sarawak yang hanya setara jumlahnya dengan Kesultanan Brunei dan di Sambas. (Tom Harrison, 1970: 43) Ditambah dengan faktor budaya, struktur sosio-ekonomi dan pengalaman kehidupan industrial yang berlainan dan unik berbanding kampung-kampung Melayu yang lain

¹ Penyelidikan Perluasan Pasaran Masyarakat Melayu Pesisir Sarawak Barat merangkumi 16 buah kampung Melayu (Kpg. Telok Melano, Kpg. Telok Serabang, Kpg. Tanah Hitam, Kpg. Terusan Jaya, Kpg Sempadi, Kpg. Rambungan, Kpg. Sibu Laut, Kpg. Telaga Air, Pulau Salak, Kpg. Pasir Panjang, Kpg Pasir Pandak, Kpg. Santubong, Kpg. Buntal, Kpg Bako, Kpg. Sejingkat dan Kpg. Muara Tebas) dari Tanjung Datu hingga ke Tanjung Po. Kajian Mengenai kilang pemprosesan hasil laut di Muara Tebas ini ialah kajian mikro penyelidikan tersebut.